

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 45 RABU 7HB. NOBEMBER, 1973. 1393 رابو 11 ذوالو PERCHUMA

Pemuda Penanjong punya semangat menanam padi

TUTONG. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz ketika melawat ka-Penanjong telah menguchapkan tahniah dan memuji ahli2 Persatuan Pemuda Penanjong atas kegigihan mereka mengusahakan tanam padi yang tidak putus2-nya sejak lima tahun yang lalu.

Ahli2 persatuan itu telah membuka ladang padi sa-luas lebih dari 80 ekar di atas tanah yang di-pinjamkan Kerajaan dan boleh menghasilkan lebih dari 400 gantang padi pada tiap2 satu ekar.

Ladang padi yang letak-nya di-Kampung Penanjong itu telah di-usahakan oleh ahli2 persatuan itu yang sebahagian-nya

terdiri dari kakitangan Kerajaan termasuk guru2 sekolah.

Sa-orang ahli persatuan itu memberitahu beliau, usaha penanaman padi itu hanya di-lakukan bagi mengisikan masa kosong selepas menjalankan tugas masing2 dengan Kerajaan.

Di-samping merasa kagum atas kenyataan itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz merasa yakin bahawa kalau 80 peratus dari penduduk Brunei bersemangat demikian, maka keperluan beras tidak akan payah di-impot dari luar.

Beliau juga sukachita mendapat tahu yang usaha2 penanaman padi itu di-jalankan dengan jaya-nya di-sebabkan ada-nya bantuan2 dari Kerajaan seperti baja, rachun,



GAMBAR atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, selaku Timbalan Sultan ketika berangkat ka-mesjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan untuk memunikan sembahyang Hari Raya baru2 ini.

Turut bersama2 dengan Yang Teramat Mulia itu ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah (dikiri sekali).

Keberangkatan Yang Teramat Mulia ka-mesjid Omar Ali Saifuddin telah di-alu2kan oleh Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Keluaran setem khas di-jual pada 14hb Nob.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Pos akan menjual setem2 keluaran khas sempena perkahwinan Yang Teramat Mulia Princess Anne dengan Kaptan Mark Philip pada pertengahan bulan ini.

Ketua Pos Agung, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan berkata setem2 tersebut yang berharga 25 sen dan 50 sen akan di-jual di-semua pejabat pos di-seluruh negeri pada 14hb. Nobember ini.

Setem2 tersebut akan terus di-jual dalam tempoh tiga bulan atau sa-hingga ia-nya habis yang mana lebih awal.

Pembayaran penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah \$128,275.00 telah di-bayar oleh Jabatan Penchen2 Negara untuk perkhidmatan kebajikan penchen2 di-seluruh negeri dalam bulan Oktober yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Negara menunjukkan sa-jumlah \$123,125.00 telah di-bayar bagi perkhidmatan penchen umur tua; \$4,387.50 bagi penchen orang2 buta serta tanggungan mereka dan sa-jumlah \$762.50 di-bayar bagi alaan orang2 tanggungan penyakit kusta dan gila.

Daerah Brunei/Muara ada-lah daerah yang terbesar menerima pembayaran penchen umur tua dengan jumlah pembayaran sa-banyak \$68,812.50; berbanding dengan pembayaran di-Daerah Tutong sa-banyak \$24,725.00; Daerah Belait \$23,212.50 dan Daerah Temburong sa-banyak \$6,375.00.

Bagi pembayaran penchen orang2 buta serta tanggungan mereka Daerah Brunei/Muara juga yang paling banyak menerima pembayaran ia-itu sa-banyak \$2,925.00; Daerah Tutong sa-banyak \$700.00; Daerah Belait sa-banyak \$537.50 dan Daerah Temburong sa-banyak \$225.00.

Sa-jumlah \$500.00 telah di-bayar bagi alaan orang2 tanggungan penyakit kusta dan gila di-Daerah Brunei/Muara; \$200.00 di-Daerah Belait dan Daerah Tutong sa-banyak \$62.50. Tiada ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong dalam bahagian ini.

jentera dan kemudahan2 jalan kechil yang di-bina khas di-ladang2 itu.

Peladang2 di-Kampung Penanjong itu juga telah menghadapkan kepada beliau tentang kepayahan mereka menghawa keluar hasil2 ladang mereka dengan ketiadaan jalan kechil yang di-perlukan di-ladang mereka.

Mendengar sungutan itu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu dengan serta merta telah membenarkan Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar, yang turut mengiringkan beliau dalam lawatan itu, supaya membuat jalan kechil bagi memudahkan peladang2 itu mengangkut hasil2 ladang mereka.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu kemudian-nya melawat ka-ladang padi di-Keriam dan Luagan Dudok dan telah berkesempatan berbual2 dengan peladang2 di-situ.

Beliau merasa puas hati atas usaha2 penduduk2 di-ke-tiga2 buah kampung itu dan berharap akan dapat di-chon-tohi oleh penduduk2 di-kampung2 yang lain di-negeri ini.

Berchakap mengenai dengan bekalan beras dari luar, Yang Berhormat Dato Paduka Ag.

(Lihat muka 8)

Lebih \$2,000 di-perolehi

TUTONG. — Badan Kebajikan dan Perayaan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong telah berjaya mengutip wang sa-banyak \$2,451.20 untuk sumbangan kepada tabung derma pembinaan Stadium.

Wang sa-banyak itu di-perolehi semasa badan itu mengadakan lawatan oleh satu rombongan merhaban ka-71 buah rumah pembesar2 negara, orang2 kenamaan dan orang2 perseorangan di-Daerah Brunei/Muara dan Tutong tiga hari berturut2 semasa hari raya baru2 ini.

Pengerusi badan itu, Awang Adam bin Haji Tarif yang juga sa-bagai Pengetua Sekolah itu menerangkan sa-banyak 43 buah rumah telah di-kunjongi di-Daerah Brunei/Muara dan 28 buah di-Daerah Tutong.

Beliau menjelaskan semua rumah2 yang di-kunjongi memberikan sambutan yang istimewa dengan tulus ikhlas yang sangat2 mengembirakan rombongan itu.

Awang Adam menguchapkan terima kasih kepada semua tuan2 rumah dan keluarga2 mereka atas layanan yang baik itu.

Kata-nya, semoga Allah memberikan ganjaran pahala kepada mereka yang menyumbangkan derma tersebut.



Awang Jaya ketika menyampaikan surat lantikan ketua Kampong Tungku yang baru, Awang Abdul Halim bin Jaafar.

Penduduk2 Kg. Tungku di-seru supaya melipat-gandakan usaha berchuchok tanam

GADONG. — Satu shor supaya nenas dan sikoi (tambikai) dari Tungku di-Gadong di-namakan "Nenas Tungku" dan "Sikoi Tungku" untuk mempopularkan lagi mutu keluaran itu seperti terkenal-nya limau manis Labi.

Penduduk2 di-Kampong Tungku berjumlah kira2 300 orang kebanyakan-nya bekerja sendiri dengan mengusahakan ladang nenas dan sikoi yang menjadi pendapatan lumayan dan hitung panjang pendapatan mereka hampir \$200,000.00 sa-tahun.

Hasil tanaman sikoi boleh di-dapati tiap2 tiga bulan sekali sementara hasil tanaman nenas tidak mempunyai musim.

Dengan pertolongan Pegawai2 dari Pejabat Pertanian, yang mengawal dan menchehag musoh tanaman dan lain2, maka tanaman itu subur hingga dapat mengeluarkan hasil yang menggalakkan.

Pendapatan lumayan hasil dari usaha mereka itu kebanyakan mereka dapat menunaikan fardhu haji sa-tiap tahun di-samping mereka dapat membeli kenderaan untuk membawa hasil tanaman mereka ka-bandar.

Shor untuk menamakan nenas Tungku dan sikoi Tungku itu telah di-timbulkan oleh Penulong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Jaya bin Abd. Latif dalam satu majlis penyampaian surat lantikan kepada Ketua Kampong Tungku yang baru Awang Abdul Halim bin Jaafar pada hari Jumaat lalu.

Awang Jaya yang mewakili Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Hj. Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim dalam ucapan-nya di-majlis itu telah mengharapkan supaya penduduk2 di-Kampong Tungku dapat melipat-gandakan lagi usaha mereka demi untuk kemajuan di-kampong itu.

Awang Jaya juga memberi tahu penduduk2 di-kampong itu supaya mereka memberikan kerjasama yang lebih erat kepada Ketua Kampong yang baru itu semata2 untuk kebajikan mereka bersama.

Beliau juga menyampaikan tahniah kepada Ketua Kampong yang baru itu atas kesediaan beliau sanggup memegang jawatan sa-bagai ketua dengan mengenepikan tugas2 lain demi untuk memenuhi hasrat penduduk di-kampong itu.

Awang Abdul Halim, Ketua Kampong yang baru itu berusia 51 tahun dengan rasminya telah memegang jawatan itu mulai 1hb. Disember, 1972 bagi menggantikan Awang

(Lihat muka 3)

3,622 chalon masok pereksa ka-sekolah Inggeris 10hb Nob.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 3,622 orang murid dari 73 buah sekolah2 Melayu di-seluruh negeri akan mengambil peperiksaan untuk chalon ka-sekolah2 persediaan Inggeris kerajaan.

Peperiksaan itu akan diadakan pada hari Sabtu 10hb. Nobember ini di-17 buah pusat peperiksaan.

Pusat2 ia-lah 10 buah di-Daerah Brunei Muara, dua di-Daerah Belait, 4 di-Daerah Tutong dan satu di-Daerah Temburong.

Kawasan Brunei Satu yang mengemukakan sa-ramai 980 orang chalon ada-lah bilangan yang ramai sekali menyertai peperiksaan itu.

Ini di-ikuti oleh kawasan Brunei Dua sa-ramai 818 orang, Belait 565 orang, Tutong satu 469 orang, Brunei tiga 407 orang, Tutong dua 219 orang dan Temburong 164 orang.

Mata2 pelajaran yang termasuk dalam peperiksaan tersebut ia-lah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab kertas satu dan dua serta Kertas Am.

Chalon2 ada-lah di-kehendaki sekurang2-nya lulus tiga dari empat mata pelajaran tersebut untuk membolehkan mereka memasuki ka-sekolah2 persediaan Inggeris kerajaan pada awal tahun depan.

Ahli2 Yang Berhormat meninjau ka-rumah sakit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang di-ketuai oleh Jurutulis Majlis Meshuarat, Awang Judin bin Asar telah mengadakan lawatan ka-rumah sakit Besar Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Ketibaan rombongan Ahli2 Majlis2 Meshuarat Negeri itu di-alukan2 oleh Pemangku Pengarah Perubatan dan Kesihatan Dr. Haji Johar bin Hj. Nordin, Setia Usaha Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Ag. Chuchu bin Dato Paduka Panglima Asgar Haji Abdullah dan Penolong Pegawai Pentadbir Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Badar.

Rombongan itu kemudian di-berikan penerangan ringkas mengenai pentadbiran dan tu-

gas2 pegawai2 dan kaki-tangan di-ibu pejabat tersebut oleh Dr. Haji Johar.

Sa-telah itu, rombongan tersebut di-bawa melawat ka-bilik2 ibu pejabat dan di-berikan penerangan serba sedikit mengenai tugas2 dan perkhidmatan kerani2.

Rombongan ahli2 Yang Berhormat itu kemudian di-bawa melawat ka-rumah sakit besar, di-mana mereka di-alukan2 oleh Pegawai Perubatan Daerah Brunei-Muara, Dr. I.G. Singh, Ketua Penyelia Jururawat, Dayang B. Berthoud dan Pemangku Pentadbir rumah sakit besar Bandar Seri Begawan, Awang Basuani bin Jaafar.

Rombongan tersebut juga melawat ka-perkhidmatan pesakit2 luar, gudang2 ubat, bilik makmal, perkhidmatan gigi, perkhidmatan mata dan seterusnya ka-wad2 orang2 sakit di-mana rombongan itu di-berikan penerangan lanjut mengenai wad2 orang sakit itu oleh Dr. Singh.

Rombongan ahli2 yang berhormat itu juga berkesempatan melawat ka-wad2 pesakit2 buah pinggang.

Selesai membuat lawatan ka-rumah sakit Besar Bandar Seri Begawan rombongan tersebut di-bawa pula melawat ka-rumah sakit di-Bandar Tutong dan rumah sakit Siri Seri Begawan di-Kuala Belait

(Lihat muka 6)

Komplek perumahan di-Pekan Bangar

BANGAR, TEMBURONG. — Kerja2 pembinaan komplek perumahan di-Bangar Baru, Daerah Temburong telah hampir selesai.

Komplek tersebut di-bina dengan menelan belanja lebih dari \$400,000.00.

Ia-nya mengandungi empat unit tempat kediaman kelas B, satu blok kelas C dan dua blok lapun unit barek.

Apabila siap nanti, komplek tersebut akan di-gunakan untuk menempatkan pegawai2 kerajaan di-daerah tersebut.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

MAM Al-Ghazali telah berkata 'bahaya yang paling besar bagi kebanyakan manusia ialah perkara rezeki dan mengator rezeki'.

Bahaya itu di-timbulkan oleh beberapa perkara di-antara-nya ia-lah: Pertama di-sebabkan mereka tidak perchaya bahawa rezeki itu dari Tuhan sejak manusia lahir dari kandongan ibu-nya sampai akhir hayat-nya, sa-bagai mana firman Allah yang bermaksud:

"Tidak ada sa-suatu yang merayap di-bumi melainkan di-tangong Allah rezeki-nya dan Allah mengetahui tempat kediaman-nya dan tempat menyimpan-nya, tiap2 sa-suatu yang tersebut itu termaktub dalam kitab yang nyata".

Kerana mereka tidak perchaya rezeki dari Tuhan, maka mereka churahkan segala kepintaran dan kekuatan mereka untuk mendapatkan rezeki, kalau tidak di-dapati dengan jalan sah, dengan jalan salah dan haram di-tempoh-nya.

Buat menambah pendapatan umpama-nya, di-chari-nya rezeki tambahan dengan jalan tikam ekor, dengan jalan judi, dengan jalan rasuah, dengan jalan tipu atau churi.

Semua itu memalingkan mereka daripada menuntut keredhan Allah kerana umur-nya habis di-gunakan buat menuntut rezeki. Maka hidup-lah mereka dalam kegelapan dan

Ketua Kampung

(Dari muka 2)

Besar bin Khamis yang telah meletakkan jawatan-nya sebagai Ketua Kampung Tungku.

Majlis pada hari itu di-akhiri dengan jamuan ringan di-mana buah2 tempatan telah di-hidangkan termasuk-lah nenas dan sikoi Tungku.

Awang Jaya ketika menikmati kemanisan nenas dan sikoi Tungku sambil berjenaka dengan mensifatkan nenas dan sikoi itu di-beri baja dengan gula.

Hasil kutipan di-serahkan kpd Jabatan Kebajikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri pada minggu lalu telah menerima sumbangan sa-banyak \$5,940.60 untuk derma kepada mangsa2 kebakaran Kampung Setia Pahlawan Kampung Ayer.

Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Pengerusi Badan Bantuan Mangsa2 Kebakaran Kampung Setia Pahlawan, Awang Haji Abdul Aziz Juned di-Jabatan Kebajikan dan di-saksikan oleh Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Damit, Setia Usaha badan tersebut, Awang Mo-

Umat Islam hendak-lah berpegang tegoh kpd ajaran2 Islam dalam mendapatkan rezeki yang halal

kelalaian dan kembali ka-akhirat dengan tangan kosong tidak membawa amal kebajikan, pada hal di-hadapan-nya telah menunggu perkiraan amal dan azab. Itu-lah bahaya-nya kalau tidak perchaya rezeki datang dari Tuhan.

Bahaya kedua, ia-lah salah faham tentang rezeki datang-nya dari Tuhan kerana salah faham, maka mereka tidak mahu berikhtiar mencari rezeki dan mereka menyerahkan kapada Tuhan lalu berpada-lah mereka dengan hidup menganggor atau tidak mahu berusaha untuk meninggikan taraf hidup mereka, maka mundur-lah mereka dalam penghidupan dunia dan terkebelakang dalam kemajuan hidup.

Rezeki itu betul datang-nya dari Tuhan, tetapi dengan me-

hamed Yassin bin Said, Penolong Setia Usaha, Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Bendahari dan Awang Sulaiman bin Puteh, pemeriksa kira2.

Wang tersebut telah di-kutip oleh badan itu dari jabatan2 kerajaan, persatuan2 belia, kelab2, kampong2, shariat2 perniagaan dan orang perseorangan di-seluruh negeri dari 5hb. Julai hingga 30hb. September.

Yang Berhormat itu telah menguchapkan terima kapada badan tersebut atas inisiatif mereka mengutip wang itu dan beliau berharap langkah2 seperti itu akan di-ikuti oleh lain2 pehak dari masa kamasa.

Kita perlu berusaha dan berikhtiar dalam menchari rezeki



KHUTBAH JUMA'AT

makai sebab yang di-namakan ikhtiar dan usaha, bukan turun dari langit begitu saja. Kerana itu rezeki perlu-lah di-chari dan di-tuntut dengan jalan ikhtiar dan usaha yang bersungguh2.

Tetapi dalam menchari dan menuntut rezeki perlu-lah memakai pedoman yang berupa ajaran2 yang datang dari Allah dan Rasul-nya ia-itu dengan chara yang halal dan dengan jalan yang baik, jangan ikut pedoman nafsu yang ingin membolot harta dan wang semata2 sa-hingga halal dan haram-nya tidak di-pileh lagi asalkan dapat harta dan wang.

Kerana yang demikian itu biar pun mendapat harta dan wang tetapi apa-lah faedah-nya jika berchampur dengan barang haram yang akan menyiksa kita di-akhirat kelak.

Oleh yang demikian dengan ini ada-lah di-serukan supaya tuan2 tetap berpegang tegoh kapada ajaran2 Ugama Islam semua perkara termasuk-lah

dalam bidang mendapatkan rezeki dan taraf ekonomi yang lebih baik, mudah2an Allah selamatkan kita dari memakan barang2 yang haram.

Peraduan bahas peringkat daerah

BANGAR, TEMBURONG. — Sa-banyak 14 buah Sekolah Rendah Melayu di-Daerah Temburong akan mengambil bahagian di-dalam peraduan berbahas peringkat daerah pada 22hb. Nohember ini.

Peraduan itu akan di-adadi-dewan sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar untuk memilih wakil2 dari Daerah Temburong ka-peraduan peringkat negeri yang akan diadakan dalam bulan Disember.

Peraduan bahas itu terbahagi kepada murid2 lelaki dan perempuan dan johan dan naib johan dari tiap2 bahagian akan mewakili daerah itu ka-peringkat akhir.

Majalah Tafsir siri ke-23

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-23 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sasarkan.

Dalam keluaran kali ini

"TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (261) hingga (276) dari surah Al-Baqarah. Majalah tersebut boleh dibeli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7hb. Nohember, hingga ka-hari Selasa 13hb. Nohember, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Terbit
7hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
8hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
9hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
10hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
11hb. Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
12hb. Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
13hb. Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(7hb. Nobember, 1973)

BEKALAN UNTUK HAJI

PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin di-samping berdo'a semoga 33 orang jemaah2 hari Brunei yang menaiki kapal laut selamat pergi dan selamat kembali ka-tanah ayer juga memberikan bekal yang amat berharga untuk dibawa pergi.

Bekalan itu ia-lah berupa ka-ta2 nasehat supaya mereka jangan terlalu boros membe'anjakan wang berdasarkan kenaikan harga barang2 yang terdapat di-mana2 negeri sekarang termasuk di-Mekah.

Nasehat itu juga seharusnya diikuti oleh lebih enam ratus orang bakal2 haji Brunei yang akan pergi dengan kapal terbang awal bulan depan.

Umpama-nya, sa-ekor kibas harga 50 rial lebih kurang \$37.50 wang Brunei sekarang ini telah naik menjadi 400 hingga 600 rial kira2 \$300.00 hingga \$450.00 wang Brunei.

Berdasarkan perkara itu-lah, bakal2 haji dari Brunei telah di-ingatkan supaya membawa wang lebih kira2 tidak menjadi satu beban kepada mereka dan di-samping itu pula sifat berjimat-chermat perlu-lah di-praktikkan kerana kita tidak semesti-nya mengikut kehendak hati atau tunduk di-bawah nafsu apa tah lagi melihat benda2 baru yang di-perchayai boleh mempengaruhi fikiran untuk membeli-nya.

Tujuan utama dan yang penting sekali ia-lah kita dapat mengerjakan ibadah haji dengan sempurna-nya dan ber-shukur yang kita telah menunaikan kewajipan rukun Islam kelima yang tetap dan mesti di-tunaikan oleh semua umat Islam yang mampu, yang terdaya dan yang punya kelebihan.

Satu lagi perkara yang amat perlu di-praktikkan ia-lah mengubah sikap, mengubah pendirian dan mengubah amalan serta perbuatan.

Kalau sa-belum pergi ka-tanah suci barangkali ada yang pernah meninggalkan perkara2 yang di-wajibkan oleh ugama, maka sa-sudah haji tegas-nya kembali ka-tanah ayer perlulah supaya jangan di-tingalkan lagi perkara2 yang wajib itu dan bertaubat-lah supaya perkara2 yang di-larang oleh ugama itu akan tetap di-patohi.

Dalam erti kata yang lain, haji mencherminikan rasa taqwa yang benar2 insaf dan sadar akan tanggung-jawab mereka terhadap ugama tidak kira sama ada tua atau muda, lelaki atau perempuan.

Perkataan haji, perbuatan dan amalan haji sa-tiap hari bukan saja melambangkan sifat2 yang mampu pergi ka-tanah suci melalui usaha-nya tetapi juga harus melambangkan sifat kehajian-nya sa-bagai orang2 yang bertaubat dan menunjukkan kehajian-nya kepada orang lain dengan harapan sifat kehajian-nya tidak akan terjejas.



Apabila perasaan sedih sudah meragut hati, tidak siapa pun yang dapat menahan ayer mata dari mengalir membasahi pipi. Bagitu-lah juga keadaan-nya ka-tas gadis seperti gambar atas. Bagi-nya perpisahan itu ada-lah sa-suatu yang sungguh menyayat hati-nya.

Kepergian mereka di-iringi dengan do'a dan ayer mata

LAMBAYAN sapu tangan dan titisan ayer mata di-iringi uchap selamat jalan dan selamat tinggal telah mengharukan perasaan lebih sa-ribu orang yang membanjiri dermaga Kastam Diraja.

Sa-baik2 saja kapal M.V. Bolkiah bergerak perlahan meninggalkan tambatan, suara azan mengalun sayu memuji kebesaran Tuhan sambil berdo'a semoga 33 orang jemaah2 haji Brunei selamat pergi ka-tanah suci dan selamat kembali ka-tanah ayer.

Sa-orang gadis sempat memelok dan menchiung tangan ibu-nya dengan linangan ayer mata sedang lidah kelu untuk berkata dan di-hati ibu tetap berdo'a semoga anak gadis-nya jauh dari segala bahaya dan benchana.

Demikian-lah gambaran sedih dan kesedehan serupa dapat terasa oleh sanak saudara dan sahabat handai yang berada di-dermaga ketika itu.

Harga kibas naik di-Mekah: Bakal2 haji Brunei di-nasehat bawa wang lebih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 33 orang Jemaah2 haji dari Brunei telah berlepas ka-Labuan hari Sabtu lalu dalam pelayaran mereka ka-Mekah.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah mengucapkan selamat jalan kepada jemaah2 haji itu di-dermaga Kastam Diraja Bandar Seri Begawan sa-jurus sa-belum mereka berangkat.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dalam ucapan-nya telah menasehatkan jemaah2 haji itu supaya berjimat chermat dalam membelanjakan wang mereka sesuai dengan kenaikan harga barang2 di-mana2 negeri sekarang termasuk di-Mekah.

Beliau juga menerangkan bahawa harga sa-ekor kibas biasa-nya 50 rial sekarang telah naik menjadi 400 hingga 600 rial.

Yang Berhormat itu menasehatkan kepada semua bakal2 haji yang akan pergi menunaikan fardhu haji dengan kapal terbang supaya membawa wang lebih bagi menampung perbelanjaan yang menchukopi sa-hingga mereka pulang ka-tanah ayer.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu juga berharap supaya semua jemaah2 haji sa-telah mereka menunaikan fardhu haji dan pulang ka-tanah ayer hendak-lah mengubah sikap dalam erti kata, jika sa-belum menunaikan fardhu haji mereka pernah meninggalkan perkara2 yang wajib dan se-

salah haji kelak, hal sa-demikian tidak akan berulang lagi.

Sharahan khas telah di-sampaikan oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Sa-belum jemaah2 haji itu berlepas, dia selamat telah di-bachakan oleh Yang D-Muliakan Pehin Udana Khatib Awang Haji Tamin bin Abdul Hamid dan sa-hingga kapal M.V. Bolkiah bertolak dari tambatan, azan telah di-sampaikan oleh Mudin Awang Sirat bin Abdullah.

Kira2 lebih sa-ribu orang sanak saudara dan sahabat handai dari jemaah2 haji itu telah membanjiri dermaga Kastam Diraja untuk mengucapkan selamat belayar kepada jemaah2 haji itu.

Jemaah2 haji itu telah bertolak dari Labuan pada pagi hari Ahad 4hb. Nobember dengan kapal haji Malaysia Raya melalui Pulau Pinang akan sampai di-Jeddah pada 21hb. Nobember.

Sementara itu, Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama telah meminta kepada semua bakal2 haji yang pergi dengan kapal terbang supaya datang ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan dan membawa bersama2 mereka pasport serta wang tunai untuk bank draft.

Bakal2 haji yang tidak dapat hadir Jabatan Ehwal Ugama tidak akan bertanggung-jawab kira-nya visa2 mereka tidak dapat di-uruskan.

GAMBAR2 EHSAN JHEU/BP.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika memberikan ucapan nasehat kepada bakal2 haji sa-dar Seri Begawan menuju ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Mekah.

Pegawai Perpindahan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin ada-lah di-antara beribu2 orang yang memberi uchap selamat belayar kepada bakal2 haji pada hari itu. Gambar atas: Yang Amat Mulia ketika bersalaman dengan salah sa-orang bakal2 haji.



Sa-bahagian dari sanak saudara dan sahabat handai bakal2 haji yang berasak-asak di-dermaga Kastam Diraja untuk mengucapkan selamat belayar kepada 33 orang bakal haji pada hari Sabtu yang lalu. Mereka nampak-nya tidak menghiraukan hujan yang turun ketika itu.

Sa-lain dari mendengar ucapan nasehat dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, bakal2 haji itu juga mendengar sharahan khas yang di-sampaikan oleh Penguasa Penerangan dan Tablig, Awang Haji Abdul Aziz Juned. (Gambar kanan).

Satu lagi pemandangan kesebokan dermaga kastam yang telah di-banjiri oleh ribuan manusia bagi mengucapkan selamat belayar kepada saudara mara dan sahabat handai yang akan menunaikan fardhu haji.



PASOKAN ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles telah mengadakan pasar ria di-Gelanggang Sukan Seria pada minggu lalu.

Pasar ria yang di-adakan sa-lama empat hari itu ia-lah bagi mengutip wang untuk tabong kebajikan Gurkha dan tabong pembinaan stadium.

Beberapa jenis permainan dan pertunjukkan telah di-adakan sa-masa pasar ria itu.

Gambar kanan menunjukkan beberapa orang kanak2 menchuba memancing ikan ia-itu salah satu jenis permainan yang di-adakan dalam pasar ria itu.



PELUANG UNTUK IKUTI BERBAGAI KURSUS DI-SEKOLAH PERTUKANGAN BANGUNAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Pertukangan Bangunan di-Jalan Muara dekat Bandar Seri Begawan akan memulakan kursus2 baru dalam bidang memasang batu bata, pertukangan kayu dan pemasangan, mengechat dan penghiasan bangunan dalam bulan Januari tahun depan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Brunei dan lulus Sijil Rendah Pelajaran dalam aliran Inggeris atau Melayu.

Keutamaan akan di-berikan kepada chalu2 yang mendapat kelulusan2 tinggi terutama-nya dalam perkara ilmu hisab, sains dan bahasa Inggeris.

Chalu2 yang mempunyai kelayakan tersebut mungkin di-kehendaki menghadiri satu ujian kebolehan atau temuduga sa-belum di-pilih.

Kursus tersebut akan berjalannya sa-lama tiga tahun dan semua penuntut2 di-kehendaki tinggal di-asrama sekolah tersebut.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Guru Besar, Sekolah Pertukangan Bangunan, Peti Surat 2188, Bandar Seri Begawan. Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 1hb. Disember, 1973.

Lawatan

(Dari muka 2)

Sa-masa ketibaan-nva di-rumah sakit di-Bandar Tutong, rombongan itu telah dialukan oleh Pegawai Pentadbir merangkap Ketua Jururawat rumah sakit Tutong, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Othman.

Di-rumah sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait pula, rombongan itu telah di-sambut oleh Pegawai Perubatan Daerah Belait, Dr. T. Panch dan Pegawai Pentadbir rumah sakit Daerah Belait, Awang Hj. Matnor bin Awang.

Sa-masa kunjangan ketiga2 buah rumah sakit itu, rombongan tersebut telah di-irangi oleh Pemangku Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Dr. Haji Johar bin Haji Nordin dan Setia Usaha Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Chuchu bin Dato Paduka Penglima Asgar Haji Abdul-lah.

Pengambilan rekrut2 baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Askar Melayu Diraja Brunei akan meneruskan kempen pengambilan orang2 baru untuk berkhidmat dengan pasokan itu.

Rombongan pengambilan orang2 baru itu akan melawat ka-Daerah2 Belait, Tutong dan Daerah Brunei/Muara dalam minggu ini.

Rombongan itu akan berada di-Kampung Bukit Sawat, Ulu Belait pada 10hb. Nobember; di-Bilek Bachaan Tutong pada 12hb. Nobember; di-Dewan Kemasharakat Kuala Belait pada 13hb. Nobember dan pada 14hb. Nobember rombongan itu akan berada di-Kampung Lumapas dan Kasat.

Pemuda2 yang ingin berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah di-minta supaya datang ka-tempat2 yang di-sebutkan untuk di-temuduga.

Kunjangan ka-Rumah Orang2 Tua

SERIA. — Satu rombongan murid2 sekolah Panaga baru2 ini melawat Rumah Orang2 Tua dan menghadihkan barang2 makanan yang termasuk gula, susu tin, biskut, mee dan sayoran2 kepada penghuni2-nya.

Barang2 makanan itu telah di-kumpulkan di-satu temasha khas pesta yang di-adakan di-sekolah tersebut.

Semasa kunjangan itu, murid2 tersebut juga membahagikan2 buah2 appel dan limau kepada penghuni2 di-Rumah Orang2 Tua itu.

Rombongan kanak2 sekolah itu di-sertai oleh Pegawai Pelajaran Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang G.F. Daniels.

JAWATAN² KOSONG

Pelateh2 Teknikal di-B.S.P.

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa pemohon2 yang terdiri daripada raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan. Chalun2 yang berjaya akan di-lateh bagi jawatan2 teknikal dalam kerja Sharikat.

Pemohon2 hendak-lah boleh menulis serta berchakap dengan baik dalam bahasa Inggeris dan kelayakan yang sa-rendah2-nya ia-lah Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Pelajaran Am, peringkat 'O', sa-baik2-nya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan Sains; chalu2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Penuntut2 yang sedang menghadapi peperiksaan M.C.E. bagi tahun 1973, ada-lah di-pelawa untuk memohon jawatan ini.

Gaji permulaan bagi Pelateh2 Teknikal ia-lah B\$295.00 sa-bulan, dan akan di-naikan lagi hingga B\$400.00 sa-bulan, bergantung kepada kejayaan2 yang di-perolehi

dalam masa menjalani latehan, disamping itu kenaikan2 tetap juga akan di-lakukan mengikut kebolehan dan tatakkerja.

Pemohonan hendak-lah di-buat dengan chara bertulis serta berikan butir2 persendirian, rekod pelajaran dan keputusan2 peperiksaan dan hendak-lah di-alamatkan kepada:-

Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan),
Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad,
Seria,
Negeri Brunei.

Sampul surat mesti-lah di-tulis — "SULIT — PELATEH TEKNIKAL".

Tarikh penutup bagi permohonan ini ia-lah pada hari Jumaat, 23hb. Nobember, 1973 dan semua pemohon mesti-lah bersedia untuk menghadapi satu peperiksaan bertulis yang akan di-adakan di-Seria pada hari Isnin, 10hb. Disember, 1973.

Di-sektor persendirian

BERIKUT ini ia-lah beberapa kekosongan dalam sektor persendirian di-negeri ini yang di-keluarkan oleh Jabatan Buroh Bahagian Pertukaran Pekerjaan yang menghendaki pekerja2 yang mempunyai kemahiran dan pengalaman. Pemohon2 yang berdiri dari anak2 tempatan yang ingin memohon kerja2 itu boleh-lah datang ka-Pejabat Buroh Bahagian Pertukaran Pekerjaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 29hb. Nobember, 1973.

RENEE HAIR-DRESSING AND DRESS-MAKING SALOON.

Tingkat 1 Bangunan Soon Thian, Bandar Seri Begawan.

(i) mempunyai kekosongan sabagai Tukang Gunting Rambut Perempuan (9 kekosongan).

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 hingga 9 tahun pengalaman dalam hal mengunting rambut.

Gaji:

Antara \$450.00 hingga \$500.00 sa-bulan.

(ii) Tukang Jahit Pakaian (3 kekosongan).

Pemohon2 mesti-lah mempunyai

sekurang2-nya 3 hingga 5 tahun pengalaman sa-bagai tukang jahit dalam berbagai jenis pakaian, termasuk kebolehan memotong segala jenis pakaian.

Gaji:

Bergantung kepada pengalaman dan kepandaian.

SHARIKAT SERI JAYA SDN. BERHAD, Kedai 2 Jalan Roberts, Bandar Seri Begawan.

(i) Mempunyai keskonggan sa-orang jurukira.

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 2 hingga 3 tahun sa-bagai jurukira dan hendak-lah berkelulusan Inggeris dan sedikit2 boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

(ii) Sa-bagai Penjual (1 kekosongan).

Pemohon2 sekurang2-nya berke-lulusan Form IV Melayu atau Tingkatan IV Melayu. Boleh bertutor dalam kedua2 bahasa ia-itu Inggeris dan Melayu.

Gaji:

Tangga gaji bagi kedua2 jawatan ini ada-lah bergantung kepada kemahiran dan pengalaman serta kelulusan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Sa-bagai Penda'awa Mahkamah Kadzi

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penda'awa Mahkamah2 Kadzi di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- i) Hendak-lah berumur tidak kurang 25 tahun.
- ii) Mempunyai Sijil Pelajaran

Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Pengetahuan Ugama Islam. Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun. Mesti-lah tahu menulis dan membacha jawi; atau

Tawaran barang2 mentah Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah Arab yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurusi, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH" tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurusi, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nöbember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu sekolah itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebeh murah atau seumpama-nya.

Tawaran barang2 mentah Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurusi, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH UGAMA RAJA ISTERI ANAK DAMIT" tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurusi, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nöbember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu maktab itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebeh murah atau seumpama-nya.

Tawaran barang2 mentah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan 1974

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Maktab yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengurusi, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN 1974" tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan sa-banyak \$50.00 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kepada Pengurusi, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 20hb. Nöbember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika ada sa-barang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu maktab itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Disember, 1974.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran2 yang lebeh murah atau seumpama-nya.

(Haji Abdullah Metassan)
b/p Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam Perjawatan Tetap tidak kurang dari 7 tahun dan mempunyai pengetahuan Ugama Islam. Mesti-lah-tahu menulis dan membacha jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatean Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb. Disember, 1973.

Sa-bagai J-trengkas Inggeris

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurutrengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan boleh menchatet trengkas sa-chepat 80 perkataan sa-minit dan menaip 30 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai kelulusan akademik yang lebeh tinggi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — 410x20-510/EB/540x20-660. Gaji Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb. Disember, 1973.

Sa-bagai Guru Ugama Terlateh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelakayan untok di-lantek sa-bagai Guru Ugama Terlateh di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 tahun.

- (b) Pemohon2 mesti-lah lulus Kelas Khas (Takhasus) dari Sekolah Arab Al-Juned, Singapura atau yang sa-banding dengan-nya.

- (c) Hendak-lah mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB.4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

Sa-bagai Pegawai Penyelidek

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelakayan untok memenohi jawatan Pegawai Penyelidek di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Persekoahan atau yang sa-banding dengan-nya;
- b) Mempunyai pengalaman kerja2 penyelidikan dalam bahasa dan kesusasteraan Melayu; dan
- c) Keutamaan akan di-beri kepada chalun yang menguasai (menulis dan bertutor) dan bahasa ia-itu bahasa Melayu dan Inggeris dan juga dapat menulis dan membacha jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 bulan termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb. Disember, 1973.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb. Disember, 1973.

PERTUNJOKAN PAYONG TERJUN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu pertunjukan payong terjun chara bebas telah diadakan di sini pagi semalam. Tujuh orang ahli payong terjun dari 'A' Squadron 22 SAS Regiment mengambil bahagian dalam pertunjokkan tersebut.

Kira2 lebih dua ribu orang termasuk kanak2 sekolah telah menyaksikan pertunjokkan yang julong2 kali-nya diadakan itu.

Ahli payong terjun yang pertama dari pesawat helikopter Askar Melayu Diraja ia-lah Cpl. Walter menggunakan payong yang baru di-reka yang berwarna putih dan biru mempunyai kelajuan turun dari udara kira2 130 batu sa-jam.

Cpl. Walter telah berkhidmat dengan regiment itu sejak 10 tahun yang lalu. Beliau telah menjadi ahli payong terjun chara bebas sa-lama lima tahun dan telah terjun lebih dari 300 kali.

Satu kumpulan tiga orang ahli payong terjun yang mengandungi WO II Henry, L/Cpl. Goggin dan Cpl. Jenkins telah menunjukkan chara terjun dengan menggunakan "Para Commanders" dan "Cross-bows" ia-itu jenis payong yang digunakan dalam pertandingan.

Tiga orang yang terakhir terjun dari pesawat AMDB yang dipandu oleh Major Marshall dari Chawangan Udara di-Berakas Kem ia-lah Cpl. Mason, Clark dan Bond yang menggunakan payong terjun jenis Para Commander. Ketiga2 orang ahli payong terjun itu memasuki regiment itu dalam tahun 1966.

Sa-belum ahli2 payong terjun itu membuka payong, mereka terjun dengan senhaja tidak mengembangkan payong sa-lama 30 sa'at dengan kelajuan kira2 130 batu sa-jam.

Semua ahli2 payong terjun itu membuat lebih dari 250 kali terjun dengan menggunakan payong dan mereka kerap kali terjun dari jarak sa-tinggi kira2 20,000 kaki.

Pertunjokkan yang sama juga telah diadakan di-padang Maktab Anthony Abell, Seria pada petang semalam.



Salah sa-orang ahli payong terjun telah menjejakkan kaki-nya di-padang Bandar Seri Begawan sa-telah terjun 7,000 kaki dalam masa kira2 tiga minit.



Hadiah model VC 10 sa-bagai tanda mula hubungan udara Brunei/London

BERAKAS. — Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British, J. Moffatt telah di-hadiahkan sebuah model kapal terbang VC-10 oleh Kapitan D. Rumble dalam satu upacara yang berlangsung di-Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei pada minggu lalu.

Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British kemudian-nya akan menyebarkan model tersebut kepada Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei apabila baginda berangkat pulang dari sebarang laut.

Model tersebut telah di-ukir dengan perkataan menandakan bermula-nya perkhidmatan VC-10 Sharikat Penerbangan British antara Brunei-London.

Antara mereka yang hadir di-upacara tersebut termasuk-lah Pengarah Pener-

bangsan Awam, P. Hadfield.

Penerbangan pertama VC-10 itu yang tiba di-Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei pada jam 8.00 malam pada 29hb. Oktober dan telah bertolak ka-London pada pukul 10.00 pagi pada ke-esokan hari-nya.

Penerbangan itu berlepas dari Brunei tiap2 hari pada hari Selasa ka-London melalui Singapura dan tiba di-London pada petang itu juga.

TIGA PEGAWAI IMIGRESEN KA-H.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai Imigresen yang di-ke-tua-i oleh Timbalan Pengawal Imigresen, Awang Yaakob bin Ahmad telah berlepas ka-Hong Kong semalam untuk memerhati sambil belajar di-Jabatan Imigresen di-sana. Sa-lepas berada di-Hong Kong mereka akan bertolak ka-Singapura untuk tujuan yang sama.

Dua orang lagi pegawai dalam rombongan itu ia-lah Ag. Abd. Latif bin Raman, Pegawai Kanan Imigresen dan Ag. Abd. Razak bin Haji Hanafiah, Pegawai Paspot.

Semasa di-Hong Kong dan Singapura, pegawai2 Imigresen itu akan memerhati chara2 pentadbiran Imigresen termasuk kawalan di-lapangan terbang antara bangsa; pelabohan; kawalan2 sempadan dan juga untuk mengetahui chara2 mengesan orang2 yang tinggal sa-chara haram.

Sa-lain dari itu, mereka juga akan membuat hubungan rapat dengan Jabatan Imigresen Hong Kong dan Singapura bagi faedah mengetahui dan mengatasi masalah2 biasa yang sama2 di-hadapi oleh kedua2 buah negara itu dan Brunei.

Pegawai2 Imigresen Brunei itu akan berada di-luar negeri kira2 sa-bulan.

Kapal terbang VC-10 ketika berada di-lapangan terbang antara bangsa di-Berakas.

Kerjasama orang ramai di-minta

(Dari muka 1)

Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa lebih dari 3,000 tan lagi akan sampai ka-Brunei dalam bulan ini.

Bekalan beras yang di-pesan dari Bangkok akan tiba dalam minggu ini yang berjumlah sa-banyak 1,500 tan, sementara baki pesanan dari Hong Kong sa-banyak kira2 1,700 tan di-jangka tiba pada pertengahan bulan ini.

Dengan kedudukan ini, kata beliau, Brunei tidak akan kekurangan beras sapertimana yang di-perlukan dalam masa sa-tahun.

Menyebut tentang perhubungan membawa lari beras dari negeri ini, di-samping menyatakan kekesalan-nya terhadap perbuatan itu, beliau juga meminta rayat dan penduduk negeri ini supaya melipat-gandakan usaha2 dalam membantu Kerajaan untuk membentasi perbuatan2 khianat itu.

Beliau seterusnya memuji sikap Ketua Kampong Berbunot, Ag. Hj. Abdul Hamid bin Mat Rais yang baru2 ini telah menunjukkan kerjasama-nya untuk mematahkan perbuatan2 yang jahat itu.

Mengenai dengan masaalah bekalan beras yang sukar di-dapati dari kedai2 dalam minggu ini Yang Berhormat itu menyatakan, alasan yang di-berikan kepada Kerajaan ia-lah berhubung dengan kurang-nya jentera2 pengangkutan.

Yang Berhormat itu berkata, jika ini di-jadikan punca untuk melumpuhkan pembekalan beras kepada orang ramai, maka penelitian2 akan segera di-jalankan.

Beliau menegaskan, untuk mengatasi masaalah ini supaya tidak berulang, dan jika di-pandang perlu, Kerajaan akan mengadakan satu chara pengedaran beras yang lebih berkesan dengan tidak melalui pekedai2 asing.

Turut bersama2 beliau dalam lawatan itu ia-lah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Awang Md. Salleh bin Hidup.